



## KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

### TASK FORCE PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KHAS PASTIKAN KEBERHASILAN PROJEK

Sri Aman, 27 Jun - Sebuah Task Force Pemantauan dan Penilaian Khas akan dilaksanakan dengan penglibatan pemimpin-pemimpin masyarakat bagi menyediakan laporan khusus berkenaan pemantauan perlaksanaan projek dan agihan dana yang telah disalurkan.

Dokumen laporan yang dihasilkan adalah melalui pemantauan pemimpin yang akan ke lokasi bagi memastikan keberhasilan perlaksanaan projek kepada rakyat. Selain itu, dokumen ringkas dan bergambar tersebut mampu menjadi rujukan dan semakan pihak lain.

"Pemantauan berkala dan berterusan oleh pemimpin dilihat dapat memastikan ketelusan dan integriti pemimpin dalam memastikan projek dan agihan dana yang disalurkan memberi impak keberhasilan positif kepada masyarakat serta mampu mengelak daripada kerja dan perlaksanaan tertangguh di kalangan pemimpin mahupun masyarakat"

Yang Berhormat Dato Sri Rohani Abdul Karim berkata demikian ketika menghadiri Majlis Penyampaian Bagi Penerima Projek Kecil di Bawah Peruntukan Khas Ahli Parlimen dan Penerima Projek Mesra Rakyat yang diadakan di Kompleks Penyayang, Sri Aman sebentar tadi.

Sebanyak RM 168,000 diperuntukkan kepada seramai 36 penerima yang terdiri daripada Jawatankuasa Masjid dan Surau serta Pertubuhan-Pertubuhan lain pada majlis berkenaan. Turut hadir ialah Tuan Haji Abang Shamsudin, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak dan Encik Ismawi Salleh, Pegawai Daerah Sri Aman.

Disediakan oleh :  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat